

→ EHWAL ANTARABANGSA

Cabaran geostrategi baharu Filipina

Lord Palmerston pernah berpesan, dalam arena politik antarabangsa 'negara tidak memiliki kawan mahupun sekutu yang kekal, hanya kepentingan sahaja yang kekal abadi'. Beberapa hari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menerima kunjungan hormat Duta Khas Presiden China, Meng Jianzhu, yang juga anggota jawatankuasa pusat Biro Politik Parti Komunis China.

Rombongan yang turut disertai Setiausaha Agung Jawatankuasa Politik dan Perundangan China, Wang Wengying, Dr Huang Hui-kang (Duta Besar China ke Malaysia), dan Dong Hanzhou (Timbalan Menteri Keselamatan Kebangsaan China) itu memihcangkikan pelbagai isu dua hala yang turut meliputi isu keselamatan. Selama ini diketahui bahawa China mempunyai beberapa perselisihan dengan negara Asia Tenggara berhubung isu Laut China Selatan, antaranya dengan Malaysia dan Filipina.

Namun sebaliknya, negara dikejutkan dengan tindakan bakal Presiden Filipina, Rodrigo Duterte yang mengisytiharkan bahawa pentadbiran beliau bakal meneruskan tuntutan ke atas Sabah. Beberapa minggu lalu pihak Filipina sendiri menyatakan komitmen secara terbuka untuk bekerjasama dengan lebih erat di sam-

ping Malaysia dan Indonesia dalam mengawasi Laut Sulu serta Laut China Selatan dalam pertemuan di Jogjakarta.

Langkah ini bahkan bertentangan dengan manifesto dasar luar Duterte sendiri ketika kempen beliau yang menitikberatkan hubungan bilateral yang harmoni - termasuk dengan China. Carolina G. Hernandez, saintis politik di University of the Philippines pernah mengkritik: 'Pemimpin Filipina kurang berfikir secara strategik. Pengaplikasian sistem Demokrasi berpresiden dengan satu tempoh penggal, enam tahun tidak membantu. Pemimpin kami benar-benar tidak boleh berfikir melebihi tempoh masa itu'.

Aktiviti ekonomi

Di Filipina, eksport hanya menyumbang 25 peratus daripada aktiviti ekonomi berbanding negara Asia lain yang rata-ratanya 75 peratus. Malah angka 25 peratus itu, sebahagian besarnya terdiri daripada komponen elektronik bernilai rendah, pisang, dan kelapa. Filipina sememangnya strategik: ia mendominasi pinggir barat Laut China Selatan sama seperti Vietnam mendominasi pinggir timur dan China yang mendominasi pinggir utara.

Populasi Filipina hampir 100 juta orang, bahkan lebih ramai berbanding Vietnam. Namun, Filipina hanya memiliki sedikit minyak

dan gasnya sendiri. Ia telah menggali 263 telaga sejak tiga dekad lalu, sedangkan Malaysia dan Indonesia masing-masing telah menggali empat ratus telaga setiap tahun. Pada 2011, Filipina melancarkan 15 blok penerokaan tenaga 40 batu dari barat Palawan.

Akan tetapi, semua blok ini termasuk di dalam kawasan yang dituntut oleh China dan China mendakwa dua daripada 15 blok minyak itu sebagai miliknya. Sejak 1995, apabila China menduduki Terumbu Mischief, mereka tidak lagi berpaling ke belakang. Faktor geografi memaksa Filipina mencari penajaan dari Amerika Syarikat bagi bukan sahaja menghadapi China, tetapi juga penentangan dalamannya.

Filipina terdiri daripada tiga gugusan pulau. Luzon di utara dihuni sebahagian besarnya oleh penutur Tagalog. Di selatan pula ialah Kepulauan Mindanao dan Sulu, dihuni oleh kaum Moro beragama Islam yang memiliki lebih banyak persamaan dari segi budaya dan etniknya dengan rakyat Malaysia dan Indonesia berbanding dengan warga Luzon. Hal ini mencetuskan penentangan penduduk Islam, yang berdepan kempen tindakan cegah penentangan yang diperkasa oleh bantuan langsung dari Amerika Syarikat.

Luzon di utara dan Mindanao di selatan dihubungkan oleh Ke-

pulauan Visayas, termasuklah Cebu. Di sebalik hakikatnya sebagai sebuah negara kepulauan, tentera darat Filipina adalah tiga kali ganda lebih besar berbanding tentera lautnya, membuktikan betapa pentingnya politik dalamannya.

Raih sokongan politik

Demi meraih sokongan politik dalam negara, langkah membangkitkan semangat nasionalisme dengan menghalakan fokus kepada tuntutan Sabah adalah strategi yang dipilih kepemimpinan baharu Filipina. Maka, tindakan Najib melawat Pangkalan Hadapan di Lahad Datu beberapa hari selepas perisytiharan itu dibuat adalah tepat pada masanya sebagai suatu isyarat jelas pertahanan kedaulatan negara.

Namun dalam menangkis tuntutan itu, hubungan dua hala Kuala Lumpur-Manila perlu terus dipelihara dalam rangka Komuniti ASEAN. Pada 2014 sahaja eksport Malaysia ke Filipina adalah RM12.1 bilion, berbanding nilai import RM5.2 bilion.

Malaysia juga pemain penting yang aktif dalam pelbagai siri rundingan keamanan Selatan Filipina di mana keamanan wilayah terlibat bakal seterusnya menjamin keamanan wilayah Borneo negara seperti Sabah. Ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut jangan terputus, tepung jangan bersele- rak.

Komentaar



Abdul Muein Abadi

Pensyarah Program Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



Pemimpin Filipina kurang berfikir secara strategik. Pengaplikasian sistem Demokrasi berpresiden dengan satu tempoh penggal, enam tahun tidak membantu"

Carolina G Hernandez, Saintis politik dari University of the Philippines